

21/05/2001

MAS umum strategi mantap prestasi dua minggu lagi

PENERBANGAN Malaysia (MAS) akan mengumumkan strateginya dalam tempoh dua minggu itu, termasuk langkah untuk menempatkan semula syarikat penerbangan itu di tapak yang kukuh.

Pengerusi bukan eksekutif, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata pihak pengurusan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh syarikat berkenaan.

"Kami akan mendedahkan strategi kami dan apa yang kami lakukan. Kami mengenal pasti masalah, di samping opsyen dan rumusan kami.

"Kami akan mengumumkannya sebaik saja ia siap," kata Azizan yang juga pengerusi Petronas kepada pemberita selepas melancarkan Dewan Filharmonik Petronas 01/02 Season di Kuala Lumpur, kelmarin.

Azizan telah dilantik sebagai pengerusi bukan eksekutif Penerbangan Malaysia pada 14 Februari tahun ini, menggantikan Tan Sri Tajudin Ramli yang meletakkan jawatan berikutan selesainya penjualan 29.09 peratus kepentingan sahamnya dalam syarikat berkenaan.

Datuk Md Nor Md Yusof, bekas penasihat kepada Kementerian Kewangan, dilantik sebagai pengarah urusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April lalu mengumumkan yang MAS akan mencari rakan strategik asing untuk mengukuhkan prestasinya, tanpa memberikan sebarang tarikh akhir.

Terdahulu, dalam bulan Februari, Dr Mahathir membayangkan seorang rakyat asing yang "lebih berpengetahuan dari segi teknikal untuk mengelolakan perjalanan syarikat itu" kemungkinan dilantik sebagai ketua pegawai operasi MAS.

(END)